

# **RUU 355 – Apakah Pandangan Anda?**

Saya telah memberi Kenyataan Akhbar di Lobi Parlimen pada 23hb Nov 2016 berkaitan RUU 355 yang dijadualkan untuk agenda pada keesokan harinya. Poin-poin yang saya nyatakan adalah disenaraikan di bawah. Adakah anda setuju dengan pendirian ini? Saya mahu dengar pandangan saudara-saudari kerana ada kemungkinan perkara ini akan dibawa untuk diundi dalam sesi parlimen yang akan datang.

## **Poin-poin yang saya nyatakan pada 23/11/2016:**

1. Adalah hak tiap komuniti di Malaysia untuk menentukan kaedahnya komuniti itu ingin mengamalkan agamanya. Tetapi tiap komuniti juga bertanggungjawab untuk memastikan amalan agamanya tidak menjelaskan atau menyekat hak-hak komuniti-komuniti lain.
2. Berdasarkan pada prinsip (1), jika masyarakat Islam di Malaysia percaya memperkasakan kuasa Mahkamah Syarie adalah sebahagian daripada tanggungjawab mereka sebagai Umat Islam, komuniti lain harus bersikap terbuka pada hasrat itu.
3. Penyokong RUU 355 harus terima hakikat bahawa komuniti-komuniti bukan Islam berhak untuk
  - Diberitahu implikasi kelulusan RUU 355 terhadap mereka;
  - Memohon hak dan kebebasan mereka tidak terjejas
  - Memohon mekanisme yang boleh mengendalikan pertindihan antara sistem Syarie dan sistem Sivil secara yang adil dan lancar jika berlakunya sebarang pertindihan.
4. Penyokong RUU 355 harus sedar bahawa komuniti-komuniti bukan Islam khuatir hak mereka akan dicabuli. Perasaan khuatir ini adalah berkaitan dengan beberapa insiden dan isu yang telah timbul sebelum ini umpamanya
  - Kes Indira Gandhi di mana suaminya (yg baru masuk Islam) dibenarkan oleh institusi Syarie untuk menukar agama anak-anak mereka tanpa pengetahuan dan izin Indira;
  - Kes Kalimah Allah di mana kaedah beribadat komuniti Kristian disekat oleh kerajaan ;
  - Masalah yang dihadapi oleh mereka yang ingin membetulkan tafsiran mereka sebagai Muslim dalam kad pengenalan kerana mereka telah ikut agama yang lain sejak kecil;
  - Insiden-insiden rampasan mayat oleh Jabatan Agama; dan lain lagi.
5. Penyokong RUU 355 juga harus sedar bahawa adanya orang beragama Islam yang khuatir pemerkasaan kuasa mahkamah Syariah akan menyusahkan mereka. Mereka khuatir institusi agama Islam yang wujud sekarang belum cukup matang untuk mengendalikan kepelbagaiannya dalam kefahaman agama dalam masyarakat Islam di Malaysia. Mereka takut mereka akan ditekan dan dianiyai jika pindaan RUU 355 diluluskan.
6. Antara keraguan mereka adalah kemungkinan undang-undang seperti Fasal 23 dalam Enakmen Hudud Kelantan 2015 akan melahirkan hukuman-hukuman yang berat jika RUU 355 diluluskan. Fasal 23, di subseksyen (1 & 2) menyatakan bahawa sesiapa yang dengan sengaja melakukan atau menyebutkan sesuatu yang melanggar akidah agama Islam (hal-hal berkaitan Rukun Islam, Rukun Iman dan hal-hal halal dan haram) melakukan kesalahan “Irtidad”. Subseksyen (3) Fasal 23 menyatakan hukuman penjara yang

tidak dinyata tempoh masanya untuk kesalahan Irtidad untuk memberi peluang bertaubat. Subseksyen (4) menyebut humuman mati.

Adanya beberapa orang beragama Islam yang rasa definasi Irtidad adalah terlalu longgar dan mungkin akan membawa kepada pemenjaraan yang panjang untuk pelbagai kesalahan oleh kerana kelonggaran dalam bahasa seksyen ini.

7. Cara yang terbaik untuk mengendalikan kekhawatiran dan keraguan yang digariskan di poin 4, 5 dan 6 adalah melalui perbincangan. Antara beberapa perkara yang disentuh boleh diselesaikan jika kita duduk berbincang.

8. Oleh kerana ini, saya telah pada 22/9/2016, mengemukakan satu Usul untuk menunda pengundian terhadap RUU 355 supaya proses penerangan dan perbincangan boleh dilaksanakan. Malangnya, Usul saya ditolak oleh Yang Di Pertua Dewan Rakyat.

9. PSM berpendapat bahawa keputusan membawa RUU 355 ke Dewan Rakyat untuk diundi tanpa mengadakan proses perbincangan yang mendalam terlebih dahulu adalah satu tindakan kurang bertanggungjawab yang berpotensi memecahkan masyarakat majmuk kita. PSM berpendapat keputusan untuk memaksa pengundian terhadap Usul ini adalah didorong oleh keperluan politik kolompok tertinggi di UMNO.

10. PSM menyeru rakyat Malaysia untuk bertenang. Rakyat Malaysia harus bekerjasama untuk memastikan permainan politik UMNO tidak menyebabkan ketegangan di antara kaum dan agama di Malaysia.

11. Rakyat Malaysia harus memahami bahawa pihak elit sentiasa cuba untuk memecahkan kita supaya mereka dapat terus tadbir. Pihak penjajah British telah menggunakan perkauman untuk memecahkan perpaduan rakyat yang berjuang untuk Merdeka pada 1950an. Elit UMNO yang dilanda oleh krisis 1MDB, GST dan kenaikan harga barang keperluan harian sekarang sedang cuba menggunakan agama untuk memecahkan kita dan terus berkuasa.

12. Syor menambahkan hukuman Syarie telah diletak di agenda negara oleh Najib. Kita terpaksa mengendalikan isu ini, tetapi kita mesti berjaga-jaga hujah kita tidak menyakiti hati pihak-pihak lain. Kita mesti berbincang secara yang saling menghormati satu sama lain. Ini tanggungjawab kita semua. Dan jika sesiapa pemimpin politik menggunakan perkataan yang boleh menyakiti pihak lain, kita bertanggungjawab untuk menegur dan hentikannya.

Dr Jeyakumar Devaraj (PSM). Ahli Parlimen Sg Siput  
HP: 0195616807 Emel: [rani.kumarrd@gmail.com](mailto:rani.kumarrd@gmail.com)

Dicetak dan diedar oleh Pejabat Parlimen Sg Siput, 20 Tmn Orkid, 31100 Sg Siput U, Perak DR.